

Kepada  
Dato’/ Datuk/Datin/Tuan/Puan  
Semua Ibu bapa/ Penjaga,  
Pelajar Tingkatan 5,  
Maktab Rendah Sains MARA Taiping.

Dato’/ Datuk/ Datin/Tuan/Puan

## **JEMPUTAN KE MAJLIS RESTU DAN MAJLIS GRADUASI PELAJAR TINGKATAN 5 MRSM TAIPING**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa MRSM Taiping akan mengadakan Majlis Restu dan Majlis Graduasi khusus untuk pelajar-pelajar tingkatan lima. Oleh yang demikian, semua ibu bapa pelajar dijemput untuk menghadiri kedua-dua majlis ini bagi meraikan kejayaan anak tuan/puan ini.

3. Butiran majlis ini adalah seperti ketentuan berikut:-

<b>Bil.</b>	<b>Program</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Masa</b>	<b>Tempat</b>
<b>1.</b>	<b>Majlis Restu</b>	<b>5 Oktober 2018 (Jumaat)</b>	<b>7.00-10.30 malam</b>	<b>Surau MRSM Taiping</b>
<b>2.</b>	<b>Majlis Graduasi</b>	<b>6 Oktober 2018 (Sabtu)</b>	<b>8.00-12.00 tengah hari</b>	<b>Hotel Taiping Perdana, Taiping</b>

4. Sehubungan dengan itu, pihak kami juga memohon jasa baik tuan/puan supaya dapat membuat bayaran bagi memenuhi keperluan dan kelancaran kedua-dua majlis ini. Bayaran yang dikenakan adalah sebanyak RM 110.00 dan hendaklah dibuat secara tunai kepada Bendahari Muafakat MRSM Taiping. Bayaran ini juga perlu dibuat selewat-lewatnya sebelum atau pada 31 Ogos 2018. Sebarang kemusykilan berkaitan pembayaran ini, pihak tuan/puan boleh berhubung terus dengan Pn. Nur Ilyani bt Marzuki melalui talian 05-8084228.

5. Segala kerjasama daripada pihak tuan/ puan amat kami hargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**TN. HJ. NOOR HASSAN BIN HJ.HUSSAIN**

Pengetua  
Maktab Rendah Sains MARA Taiping,  
Perak.